

30.5.2019

KENYATAAN MEDIA OLEH
DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP

PULAU PINANG PERLU TANGANI 3 ISU UTAMA BEKALAN AIR

- **Penggunaan domestik per kapita yang tinggi**
- **Subsidi bekalan air domestik yang tinggi**
- **Sumber air mentah utama kedua: Sungai Perak**

PULAU PINANG, Khamis, 30.5.2019: Pada tahun 2018, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang berterusan untuk manfaat 1.77 juta orang dan ribuan perniagaan di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, data bekalan air 2018 PBAPP telah menekankan 3 isu yang perlu ditangani segera:

1. Penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang meningkat daripada 276 liter/kapita/hari (l/k/h) pada tahun 2017 kepada 278 l/k/h pada 2018. Ini adalah peningkatan minimum 2 l/k/h tetapi penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang adalah terlalu tinggi.

Sila ambil perhatian bahawa purata kebangsaan bagi Malaysia pada tahun 2017 hanya 201 l/k/h; dan Kerajaan Persekutuan menyasarkan untuk mencapai purata nasional 180 l/k/h menjelang 2025.

2. Subsidi bekalan air domestik PBAPP berjumlah RM71.74 juta pada 2018. Tanpa semakan tarif air, subsidi ini akan meningkat pada tahun 2019 dan setiap tahun berturut-turut.
3. Pulau Pinang perlu meneroka sumber air mentah utama kedua secepat mungkin kerana kini ia amat bergantung kepada Sungai Muda sebagai satu-satunya sumber air mentah utama.

Jangkaan menunjukkan bahawa Sungai Muda mungkin dapat memenuhi keperluan air mentah Kedah dan Pulau Pinang hanya sehingga 2025. Oleh itu, Pulau Pinang memerlukan fasa pertama

Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) ditauliahkan menjelang 2025.

Permintaan air di Pulau Pinang adalah 840 juta liter sehari (MLD) pada tahun 2018. Ia dijangka mencapai 1,483 MLD menjelang 2030 dan 1,884 MLD menjelang 2050. Tanpa air mentah yang mencukupi, PBAPP tidak dapat mengeluarkan air yang cukup untuk memenuhi permintaan Pulau Pinang pada masa depan.

SEMAKAN TARIF AIR

Purata tarif air domestik Pulau Pinang bagi 35,000 liter pertama sebulan adalah yang paling rendah di Malaysia (RM0.32 bagi setiap 1,000 liter berbanding purata nasional iaitu RM0.69 bagi setiap 1,000 liter).

Pada masa yang sama, penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang pada tahun 2018 adalah yang tertinggi di Malaysia (278 l/k/h berbanding purata nasional 201 l/k/h pada tahun 2017).

Terdapat pertalian antara purata tarif air domestik terendah dan penggunaan domestik per kapita tertinggi.

Oleh itu, PBAPP bercadang untuk mengkaji semula tarif air, untuk menaikkan nilai air. Objektifnya adalah untuk meyakinkan semua pengguna domestik untuk menjimatkan air sama seperti mereka menjimatkan elektrik dan bahan bakar.

Menyemak tarif air domestik juga akan secara automatik mengurangkan subsidi air domestik PBAPP. Pengurangan subsidi akan meningkatkan dana untuk PBAPP bagi melaksanakan projeknya untuk masa depan.

Pada masa ini, projek bekalan air yang paling kritikal untuk masa depan Pulau Pinang adalah Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS). SPRWTS adalah penyelesaian air mentah yang paling rasional untuk Pulau Pinang kerana:

- SPRWTS mempunyai potensi untuk menjamin keselamatan bekalan air mentah untuk Pulau Pinang selama lebih daripada 30 tahun, sehingga tahun 2050.

- Ia lebih kos efektif, dari segi kos pembangunan dan operasi, berbanding kitar semula air, penuaian air hujan atau penyahgaraman.
- Meneroka sumber air mentah utama kedua mengurangkan risiko krisis air semasa musim kemarau berpanjangan yang disebabkan oleh perubahan iklim.

Jangkaan kos pembangunan untuk SPRWTS dianggarkan kira-kira RM2.6 bilion pada tahun 2009. Sememangnya, kos akan lebih tinggi pada tahun 2019.

Sila ambil perhatian bahawa dengan tarif air Pulau Pinang sedia ada, PBA Holdings Bhd menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.14 juta pada tahun 2018.

Tiada cara bagi PBAPP untuk mengumpul dana yang mencukupi untuk projek perbelanjaan modal utama (CAPEX) seperti SPRWTS tanpa semakan tarif air.

MENUNGGU KELULUSAN PERSEKUTUAN UNTUK TSM

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) memohon persetujuan Persekutuan untuk Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang dicadangkan.

Pada asasnya, TSM adalah formula garis panduan untuk pengiraan tarif air yang rasional dan berpandangan ke hadapan.

Ia memaksa operator air untuk menetapkan tarif yang meliputi perbelanjaan operasi (OPEX) untuk aktiviti perniagaan sehari-hari, serta CAPEX untuk pembiayaan projek naik taraf infrastruktur dan projek infrastruktur baru. Dengan pertimbangan OPEX dan CAPEX, TSM membolehkan operator bekalan air memperolehi margin keuntungan yang munasabah dan terkawal.

Pertimbangan CAPEX yang berpandangan ke hadapan adalah unsur penting TSM. Pada masa lalu, kebanyakan kerajaan negeri meluluskan semakan tarif berdasarkan kepada kenaikan OPEX operator bekalan air semata-mata. OPEX merangkumi kos tenaga, bahan api dan kimia, serta kos emolumen dan penyelenggaraan.

Walau bagaimanapun, operator bekalan air yang menetapkan tarif



berdasarkan semata-mata pada OPEX hanya boleh “menampung kos”. Sekiranya tiada peruntukan untuk CAPEX, tiada pembiayaan untuk projek baru untuk menangani isu bekalan air atau permintaan air di masa depan. Projek-projek sedemikian akan ditunda atau ditangguhkan... sehingga bencana bekalan air berlaku.

Sementara itu, di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menggalakkan dasar “tiada catuan air dalam apa cara sekalipun”. Dasar ini terpakai hari ini, dan ia juga akan terpakai pada masa akan datang.

Memandang ke hadapan, PBAPP merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan bekalan air untuk menjamin keselamatan bekalan air bagi Pulau Pinang sehingga 2050.

Sehubungan itu, kami sedang menunggu kelulusan Persekutuan untuk TSM sebelum merumuskan cadangan semakan tarif air yang menggabungkan peruntukan CAPEX untuk membiayai projek PBAPP untuk masa depan.

Cadangan PBAPP juga tertakluk kepada penelitian dan kelulusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kerajaan Persekutuan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my